

## BAB KEDUA

### RANGKA KERJA KONSEP

#### 2.1 Pengenalan

Bab kedua merupakan kerangka teori bagi tesis ini. Ia merumuskan konsep hukum dalam menentukan pendirian politik. Sistem politik, dalam pandangan Islam, adalah hukum atau pandangan yang berkenaan dengan cara bagaimana urusan masyarakat diurus dan diatur dengan hukum Islam. Ini kerana politik dalam pandangan Islam, adalah mengurus urusan umat dengan menerapkan hukum Islam, baik di dalam negeri maupun di luar negeri. Bab ini akan membincangkan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dan prinsip-prinsip politik dalam Islam.

#### 2.2 Asas Pemerintahan Islam

Pemerintahan Islam mempunyai asas yang amat kukuh yang bertunjangkan tiga perkara berikut<sup>38</sup>:

##### i. Akidah

Akidah Islamiah merupakan tunjang pemerintahan atau politik Islam yang paling utama. Berdasarkan akidah, pemerintahan Islam dapat dibina. Akidah Islam menjelaskan bahawa hak pemerintahan merupakan hak Allah SWT. Hal ini bertitik tolak daripada hakikat bahawa alam dan segala isi kandungannya merupakan ciptaan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

---

<sup>38</sup> Al-Maudūdi, Abu al-'A'la (1978), *al-Khilāfah wa al-Mulk*, Kaherah: Dār al-Ansār, h. 35-45

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ

*Maksudnya: Dan dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan benar.*  
Surah al-An‘ām (6) : 73

Oleh kerana Allah SWT ialah pencipta dan pemilik alam, segala isi kandungan serta manusia, Dialah juga merupakan penguasa, pentadbir dan pengurus perjalanan alam serta segala isi kandungannya termasuk manusia. Hal ini dijelaskan dalam ayat berikut:

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا يَبْيَنُهُمَا وَمَا تَحْتَ الْأَرْضِ

*Maksudnya: KepunyaanNyalah semua yang ada di langit, semua yang di bumi, semua yang di antara keduanya dan semua yang di bawah tanah.*  
Surah Tāha (20): 6

## ii. Syariah

Syariah merupakan asas kedua bagi pemerintahan Islam. Allah SWT merupakan pemilik alam ini. Dengan itu, Dialah juga yang paling arif tentang segala keperluan yang dapat menyempurnakan kejadian ciptaanNya iaitu alam amnya dan manusia khasnya. Salah satu penyempurna alam dan manusia ialah peraturan atau undang-undang yang menetapkan perjalanan alam yang dikenali sebagai *sunnatullah* dan kehidupan manusia yang dikenali sebagai syariah Islam. Syariah Islam merupakan undang-undang yang terbaik untuk manusia kerana ia digubal oleh pencipta manusia itu sendiri iaitu Allah SWT. Hal ini dijelaskan dalam ayat berikut:

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

*Maksudnya: Tidakah kamu mengetahui bahwa kerajaan langit dan bumi adalah kepunyaan Allah?*

Surah al-Baqarah (2): 107

### **iii. Akhlak**

Akhlek juga merupakan asas pemerintahan atau politik Islam. Tanpa nilai akhlak yang benar, gambaran tentang nilai-nilai kebaikan dan kebenaran akan menjadi kabur. Akhirnya, manusia akan terjerumus ke lembah kesesatan dalam politik kerana menurut pertimbangan nafsu dan kepentingan diri sendiri. Keadilan dan kezaliman juga akan menurut nafsu dan kepentingan diri mereka. Keadilan menjadi kezaliman dan kezaliman menjadi keadilan jika diasaskan kepada nafsu. Lebih-lebih lagi jika akhlak itu diserahkan kepada penilaian individu, nilai itu akan berbeza antara seorang dengan seorang yang lain.<sup>39</sup>

Akhlek mulia merupakan asas penting pemerintahan Islam kerana manusia yang merupakan pemegang amanah Allah SWT dipengaruhi oleh dua perkara yang menyebabkan mereka mudah tergelincir atau menyeleweng daripada pemerintahan yang benar. Pertama ialah nafsu yang tamakkan kekuasaan yang menyebabkan seseorang itu mudah lupa daratan dan mudah melakukan kezaliman. Kedua ialah dalam diri manusia ada nafsu kepentingan diri. Dengan nafsu tadi, seseorang itu amat mudah melakukan pilih kasih yang berakhir dengan kezaliman.

## **2.3 Sumber Pemerintahan Islam**

Sistem pemerintahan Islam adalah bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, amalan Kulafa' al-Rasyidin dan ketentuan serta keputusan para mujtahid Islam.<sup>40</sup>

---

<sup>39</sup> Muhamad As'ad (1987), *The Principles of State and Government in Islam*, California: University of Carlifonia Press, h. 16

<sup>40</sup> Lukman Thaib (1998), *Politik Menurut Perspektif Islam*, Selangor: Synergymate Sdn. Bhd., h. 42

### i. Al-Quran al-Karim

Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan sumber pertama dan utama bagi perlembagaan Islam. Kandungannya yang dimuatkan dengan 6666 ayat ini meliputi segala bidang kehidupan dan pembangunan manusia daripada soal-soal kepercayaan dan peribadatan hingga hukum-hukum sosial, prinsip-prinsip ekonomi, kenegaraan, nilai-nilai mulia dan lain-lain.<sup>41</sup> Sebagai sebuah kitab suci, al-Quran mengatur segala aktiviti dan menggariskan hak-hak serta kewajipan pemerintahan secara umum. Ia juga membuat dasar dan garis pokok secara umum hukum-hukum yang tidak boleh dilanggar dan dilangkahi, dan menyerahkan kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat keputusan berkaitan dengan hal-hal yang perlu kepada perincian. Al-quran juga mengatur dan membuat garis panduan serta dasar-dasar mengenai hak-hak dan kewajipan-kewajipan individu terhadap hubungan mereka dengan pihak pemerintah dan batas kuasa pihak pemerintah ke atas rakyat serta batas kepatuhan rakyat terhadap pemerintahan.

Namun demikian, al-Quran tidak membicarakan tentang hal politik secara terperinci. Hanya perkara-perkara pokok atau prinsip umum sahaja yang dibincangkan yang meliputi kekuasaan Allah SWT, pemerintahan sebagai amanah kepada manusia, pengendalian pemerintahan melalui syura, tugas pemerintah, tanggungjawab rakyat dan sebagainya. Setelah al-Quran menjelaskan tentang kekuasaan Allah SWT ke atas sekalian alam termasuk manusia, Allah dengan limpah kudrat dan iradahNya telah menganugerahkan kekuasaan kepada setiap umat Islam sebagai khalifahNya di muka bumi ini untuk merialisasikan segala titah perintahNya khususnya dalam hal pemerintahan. Berdasarkan ketentuan ini, setiap umat Islam berkewajipan membentuk

<sup>41</sup> 'Abd al-Hāmid al-Mutawallī (1966), *Mabādi' Nizām al-Hukm fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Mukhtār al-Islāmī, h. 188

pemerintahan Islam dengan memilih ketua negara melalui Majlis Syura. Ini merupakan penyerahan kuasa rakyat yang menjadi sumber kekuasaan pemerintahan Islam.

## ii. Al-Sunnah al-Nabawiyyah

Al-Sunnah merupakan sumber kedua selepas al-Quran. Al-Sunnah dipindahkan daripada satu generasi ke satu generasi iaitu yang bermula daripada zaman Rasulullah SAW sehingga kepada perawi terakhir yang terdapat dalam rantai perawi yang berturut-turut. Kepentingan atau keutamaan Sunnah dari segi undang-undang disebut oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadith:

عَلَيْكُمْ بِسْتَنْتِي وَسَنَةُ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ

Maksudnya: *Ikutilah Sunnahku dan Sunnah Khulafa' al-Rasyidin*<sup>42</sup>

Kewafatan Rasulullah SAW bermakna berakhirnya wahyu yang diturunkan oleh Allah. Oleh sebab itu, orang Islam terpaksa merujuk kepada Sunnah Rasulullah SAW untuk mendapatkan panduan bagi menyelesaikan masalah yang timbul yang tidak dinyatakan dengan jelas atau tidak dinyatakan langsung di dalam al-Quran. Ekoran daripada itu, al-Sunnah al-Nabawiyyah menjadi sumber syariat yang kedua dan sama pentingnya dengan al-Quran.<sup>43</sup> Demikian juga halnya dalam konteks pemerintahan Islam, al-Sunnah juga merupakan sumber kedua sesudah al-Quran.

<sup>42</sup> Al-Asqalāni, Ahmad Ibn Hajar (t.t), *Fath al-Bāri bi Sharh Ṣahīh al-Bukhārī*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, juz 16, h. 479

<sup>43</sup> ‘Abd Wahhāb Khallāf (1970), *Maṣādir al-Tasyrī‘ al-Islāmī fī Mā Lā Naṣṣa fīh*, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 166

Perihal penting al-Sunnah ini dapat dilihat daripada peranannya yang telah mewujudkan bentuk-bentuk amali terhadap prinsip-prinsip yang terdapat dalam al-Quran. Melalui al-Sunnah kita dapat melihat bagaimana Rasulullah melaksanakan hukum-hukum ataupun perundangan al-Quran dan prinsipnya di tanah Arab, bagaimana idea Islam dijelmakan dalam bentuk yang praktikal, bagaimana baginda membentuk satu masyarakat berubah menjadi sebuah negara yang sempurna. Kesemua ini tidak dapat diketahui kecuali melalui al-Sunnah sahaja.

### **iii. Amalan Khulafā' al-Rāshidīn**

Amalan dan tindakan yang telah diambil oleh Khulafā' al-Rāshidīn di dalam menjalankan urusan negara sesudah wafat Rasulullah SAW adalah dianggap sebagai contoh kepimpinan yang perlu diikuti oleh umat Islam di dalam urusan kenegaraan mereka. Sehingga hari ini, umat Islam masih lagi menerima contoh-contoh yang telah mereka abadikan di dalam lipatan sejarah negara Islam.

Adalah jelas bahawa setiap keputusan yang telah diambil oleh Khulafā' al-Rasyidin berhubung dengan isu-isu perlombagaan dan undang-undang negara setelah didedahkan kepada para sahabat Rasulullah adalah merupakan ijma` para sahabat Rasulullah yang wajib diterima oleh umat Islam sesudah zaman mereka. Ini kerana apabila para sahabat Rasulullah bersatu pendapat dalam sesuatu isu, maka ia menggambarkan kepada kita sesuatu fahaman yang benar mengenai pengertian al-Quran atau satu cara yang betul di dalam mengamalkan kehendaknya.

#### **iv. Keputusan dan Ketentuan Para Mujtahid Islam**

Memandangkan para mujtahid Islam mempunyai maklumat tentang hukum agama yang cukup di samping mempunyai pandangan yang luas mengenai ketentuan perlembagaannya, maka keputusan para ahli hukum Islam dalam beberapa isu perlembagaan dapat menolong kita untuk memahami semangat perlembagaan Islam dan prinsip-prinsip umumnya secara yang lebih jelas lagi. Walaupun sifatnya yang tidak konklusif, tetapi ia dapat dijadikan sebagai pedoman terbaik untuk memahami dengan tepat tentang prinsip-prinsip perlembagaan. Oleh yang demikian, Abu ‘Ala al-Maududi dalam bukunya *Ke Arah Penyusunan Satu Perlembagaan Islam* telah menganggap keputusan ahli hukum atau mujtahid ini sebagai sumber keempat bagi perlembagaan Islam, walaupun ia tidak setanding dengan ijma` para sahabat Rasulullah dan juga lebih jauh daripada menandingi nas-nas al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Itulah empat sumber pemerintahan yang dirasakan penting sebagai rujukan dalam usaha ke arah mewujudkan satu perlembagaan Islam yang lengkap. Prinsip-prinsip perlembagaan dapat dikutip daripada sumber tadi kemudian dikumpul dan disusun semula dalam bentuk yang kemas dan bersesuaian.

#### **2.4 Syarat-syarat Pemimpin dalam Islam**

Pemilihan terhadap calon-calon pemimpin (politik) hendaklah dilaksanakan dengan penuh berhati-hati. Ia perlu dilakukan berdasarkan kepada kehendak dan keperluan kepimpinan itu sendiri dan tidak atas dasar dan keperluan lain. Saidina Umar RA pernah berkata:

“Sesiapa yang memegang apa-apa tanggungjawab lalu melantik mana-mana orang kerana ada hubungan rapat atau hubungan kekeluargaan, maka dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mukmin”<sup>44</sup>

Seorang yang dipilih untuk menjadi pemimpin mestilah memiliki *wilāyah tāmmah*<sup>45</sup> iaitu:

### i. Beragama Islam

Sebahagian ulama mensyaratkan bahawa seseorang yang dilantik menjadi pemimpin mestilah beragama Islam. Syarat ini adalah berdasarkan pada firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُفْلِي الْأَمْرُ مِنْكُمْ

*Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (nya), dan ulil amri di antara kamu.*

surah al-Nisa (4) : 141

Orang bukan Islam dianggap tidak layak untuk terlibat dalam anggota badan perundangan kerajaan Islam kerana jawatan tersebut termasuk dalam jawatan yang mempunyai *wilayah `ammah* ke atas masyarakat Islam. Ini menunjukkan bahawa orang kafir tidak boleh dilantik menjadi pemimpin di dalam sesebuah negara Islam. Ini adalah disebabkan orang Islam tidak boleh mentaati orang yang bukan Islam, sedangkan pemimpin wajib ditaati bedasarkan firman Allah SWT:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

*Maksudnya: Allah tidak memberi jalan bagi orang kafir (untuk berkuasa ) ke atas orang-orang yang beriman.*

Surah al-Nisa (4): 141

<sup>44</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Ibn `Abd al-Salām (1993), *al-Siyāsah al-Syar'iyyah fī Islām al-Rā`I wa al-Ri`āyah*, Beirut: Dār Jayl, h. 57

<sup>45</sup> al-Zuhaili, Wahbah (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, Dimasyq: Dar al-Fikr, j. 8, h. 6178

Apabila orang bukan Islam menjadi pemimpin, maka ia mempunyai peluang untuk menguasai umat Islam. Syarat ini adalah wajar dan dapat diterima akal kerana seseorang pemimpin hendaklah mengikut ideologi yang sama supaya dapat menjalankan pemerintahan dengan baik. Sekiranya pemimpin itu tidak mengetahui tentang hukum-hukum syarak, bagaimana mereka mampu menjalankan sistem politik Islam, sedangkan mereka tidak mengetahui perkara tersebut. Al-Ramli menyatakan bahawa seseorang pemimpin haruslah dari kalangan muslim demi menjaga umat Islam dan pendokongnya<sup>46</sup>. Oleh kerana itu, syarat Islam adalah satu kemestian agar pemerintahan Islam dapat berjalan dengan maksima<sup>47</sup>. Kita dapat lihat bahawa sesebuah negara yang menganut ideologi Kapitalisme tidak akan membolehkan seseorang yang berfahaman Komunis menjadi ketua mereka, keanggotaan menjadi pemimpin-pemimpin yang penting juga tidak diberikan. Kita tidak pernah melihat seseorang yang Muslim yang tinggal di negara Israel dapat menjadi pemimpin. Jawapan yang mudah adalah kerana ia bukan orang Yahudi, begitu juga dengan rakyat Israil yang beragama Krisian tidak akan dapat menjadi pemimpin kerana ia yakin rakyat Yahudi tidak akan memilihnya. Oleh kerana itu adalah menjadi kemestian apabila pemimpin (Politik) dalam negara Islam seseorang yang beragama Islam.

Walau bagaimanapun, segolongan ulama fekah berpendapat golongan bukan Islam diharuskan memegang jawatan tertentu dalam kepimpinan negara Islam. Syariah Islam telah membahagikan orang bukan Islam kepada dua kategori iaitu kafir *harbi* dan *dhimmi*. Majoriti para ulama telah mengharamkan sebarang perhubungan politik dengan golongan kafir *harbi* kerana mereka merupakan orang yang memusuhi agama Islam<sup>48</sup>.

<sup>46</sup> Al-Ramli, Syams al-Dīn Muhammad bin Abī al-Abbās Ahmad bin Hamzah ibn Syihāb al-Dīn (1983), *Nihāyah al-Muhtaj ilā Syarh al-Minhāj*, j.7, Kaherah: Mustafa al-Bābi al-Halabi wa Awlāduh, h. 389.

<sup>47</sup> Diya' al-Dīn Rayyis (1979), *al-Naẓariyyah al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dar al-Turāth, h. 294

<sup>48</sup> Bharuddin Che Pa (2005), *Badan Perundangan Kerajaan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 55

*Ahl al-dhimmah* yang tidak menunjukkan permusuhan terhadap kerajaan Islam, berasaskan maslahah yang diperolehi tidak ada sebarang tegahan untuk menerima bantuan mereka dari segi buah fikiran, pengalaman, kepakaran dan lain-lain. Penglibatan sebahagian kecil daripada golongan *ahl al-dhimmah* tidak mendatangkan apa-apa kemudarat kepada badan perundangan. Bahkan penyertaan *ahl al-dhimmah* membuktikan bahawa mereka bersetuju untuk mematuhi perlombagaan negara Islam.<sup>49</sup>

Berdasarkan *maqasid al-syariah*, kerajaan Islam harus mengambil faedah daripada kepakaran orang bukan Islam. Sebagai contoh, seorang pakar perubatan yang bukan Islam boleh dilantik menjadi ahli Majlis Perundangan kerana ia boleh membantu mengawal penyakit daripada merebak.

## ii. Merdeka

Syarat ini mengakibatkan seseorang hamba sahaya tidak boleh dipilih menjadi pemimpin, kerana pemimpin memerlukan tumpuan penuh dan kebebasan dalam menjalankan tugas-tugas pemerintahan. Sedangkan hamba sibuk dengan urusan tuannya. Hamba tidak memiliki kebebasan untuk membuat sesuatu keputusan kerana mereka di bawah kekuasaan tuannya.<sup>50</sup>

## iii. Lelaki

Para ulama dan seluruh mazhab dalam Islam menyatakan bahawa perempuan tidak boleh menjadi pemimpin atau ketua negara<sup>51</sup>. Syarat ini menunjukkan bahawa seseorang

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 64

<sup>50</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid (1964), *Fadā'il al-Batīniyyah*. Kaherah: al-Dar al-Qaumiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, h. 180

<sup>51</sup> Ibn al-‘Arabi (1934), *Sunan al-Tirmidhī bi Syarh al-Imām Abī Bakr Ibn al-‘Arabī*, Mesir: Maṭba’ah al-Sāwi, j. 9, h. 119.

perempuan tidak boleh menjadi pemimpin. Mereka tidak mampu melaksanakan kerja-kerja yang memerlukan tenaga dan banyak cabaran serta masalah yang akan dihadapi<sup>52</sup>.

Firman Allah SWT:

الرَّجَالُ قَوْمٌ عَلَى الْإِنْسَاءِ ...

Maksudnya: *Lelaki itu adalah pemimpin ke atas perempuan*  
Surah al- Nisā' (4) : 34

Para ulama tafsir seperti Ibn ‘Abbās, muqa’til al-Sa’di, al-Dahhak dan lainnya mengatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa lelaki adalah pemimpin wanita. Kepimpinan ini bersyarat am. Ianya berlaku dalam pelbagai kehidupan.<sup>53</sup> Sabda Rasulullah SAW:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ تَمْلَكُهُمْ امْرَأٌ<sup>54</sup>

*Maksudnya: Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang dipimpin oleh kaum wanita.*

Hadith di atas jelas dan tegas menyatakan bahawa negara yang dipimpin oleh seseorang wanita tidak akan maju. Hal ini telah terbukti oleh sejarah pelbagai bangsa dan zaman yang berbeza. Sejarah telah membuktikan bahawa masalah-masalah kemunduran sesuatu bangsa diawali dengan munculnya pengaruh dan kuasa wanita. Dari sudut kajian sejarah telah dicatat apabila pengaruh wanita mula muncul di dalam bidang politik maka ia merupakan satu tanda kemunduran dan kehancuran. Dalam buku Universal History of The World, ( Vol V11, h. 3985) terdapat perincian yang hebat dari sejarah kerajaan Yunani, Rom, Britain, Prancis dan lainnya yang menunjukkan

<sup>52</sup> Rusli Kamaruddin (1999), Kepimpinan dalam Islam: Konsep Khalifah al-Ghazali. Dalam Ghazali Myudin (Pnyt), *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Sains Politik, h. 233.

<sup>53</sup> Al-Ṭabarī: Abū Ja’far Muhammad Ibn Jarīr (1968), *Jami‘ al Bayān ’an Ta’wīl al-Qu’ran*. Mesir: Maṭba‘ah al-Halabi wa Awlāduh, j. 5, h. 57-58.

<sup>54</sup> Lihat hadith *Musnad Ahmad*, no. 19612

hancurnya sesuatu kebudayaan selalu bersama dengan gerakan wanita yang ada pengaruh mereka dalam kehidupan sosial dan politik<sup>55</sup>.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan ulama mengharuskan golongan wanita dilantik sebagai ahli majlis mesyuarat dalam badan perundangan<sup>56</sup>. Mereka berpandangan bahawa wanita dilarang memegang jawatan tertinggi di dalam negara (*al-Imāmah al-‘Uzma*) atau ketua negara tetapi diharuskan memegang jawatan-jawatan lain seperti hakim, menteri, pegawai hisbah, dan ketua dalam bidang-bidang tertentu.

#### iv. Baligh dan Berakal

Seseorang yang belum baligh<sup>57</sup> tidak layak untuk dijadikan pemimpin negara. Iman Ahmad pernah berkata: “*Kami berlindung kepada Allah dari pemimpin anak kecil*”<sup>58</sup>

Hal ini disebabkan kerana cara berfikir seorang anak kecil belum sempurna.<sup>59</sup> Oleh kerana itu, ia tidak dapat memimpin dengan baik. Di samping itu juga, kanak-kanak kecil mudah dipengaruhi orang-orang sekeliling kerana ia tidak memiliki pendirian yang teguh.

Selain daripada memiliki *al-wilāyah al-kāmilah*, seseorang pemimpin juga mesti sihat jasmani dan rohani. Yang dimaksudkan ialah sihat seluruh anggota tubuh badan samada dari segi rohani dan jasmani. Apabila seseorang pemimpin negara memiliki

<sup>55</sup> Nazhat Afza dan Khurshid Ahmad (1971), *Posisi Wanita dalam Islam*, Djakarta: Jajasan Dewan Da’wah Islamiyah Indonesia, h. 389

<sup>56</sup> ‘Abd Hāmid Ismā’il al-Anṣārī, (t.t) *al-Syūra wa ’Atharuha fī al-Dimuqrātiyyah: Dirāsat Muqāranah*, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 265

<sup>57</sup> Nordin Selat (1983), *Anatomi Kepimpinan Melayu*, Selangor: Insular Publishing House Sdn. Bhd. h. 18

<sup>58</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, j.7, h. 389

<sup>59</sup> Al-İji, ‘Abd Rahman Ibn Ahmad (t.t), *al-Mawāqif fī ‘ilm al-kalām*. Kaherah: Maktabah al-Mutana ‘Alam al-Kutub, h. 399

penyakit atau cacat yang mempengaruhi perlaksanaan tugasnya sebagai pemimpin, maka ia tidak layak untuk dipilih sebagai pemimpin.<sup>60</sup> Seseorang yang menjadi pemimpin politik mempunyai beban tugas yang amat berat. Orang yang sihat tidak semuanya sanggup menjadi pemimpin apatah lagi yang mempunyai penyakit atau cacat yang boleh mengganggu pelaksanaan tugas sebagai pemimpin yang menjalankan amanah rakyat yang jumlahnya sangat banyak.

Apabila hak dan kemaslahatan rakyat tergendala, ia telah melakukan kezaliman yang besar. Oleh kerana itu, pemimpin hendaklah sihat rohani dan jasmani. Di antara penyakit yang mempengaruhi perlantikan sebagai pemimpin seperti gila, buta, bisu, dan pekak, cacat kedua tangan atau kaki.<sup>61</sup>

## 2.5 Kriteria Pemimpin

Kriteria penentuan seseorang sebagai pemimpin sepetimana yang digariskan oleh al-Mawardi dan Ibnu Khaldun adalah seperti berikut:

### 1) Berilmu

Pemimpin yang berilmu mampu berijtihad<sup>62</sup>. Iman al-Juwaini mengatakan bahawa syarat ini telah disepakati oleh para ulama.<sup>63</sup> Syarat ini menurut al-Bāqillāni (m. 403H) adalah berdasarkan ijmak ulama bahawa seseorang pemimpin yang dipilih itu hendaklah seorang mujtahid. Namun apabila merujuk kepada suasana sekarang tidak

<sup>60</sup> Ibn Khaldūn ‘Abd al-Rahmān (t.t) *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Mesir: Dar Ibn Khaldun, h.135

<sup>61</sup> Ibn Khaldun, *op.cit.*, h. 136

<sup>62</sup> Al-Baghdādi, Abū Mansūr ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Tamīmī (1928), *Usūl al-Dīn*, c. 1, Istanbul: Matba‘ah al-Dawlah, h. 279.

<sup>63</sup> Al-Juwaini, Imām al-Haramain ‘Abd al- Malik bin ‘Abdullah (1995), *al-Irsyād ilā Qawāti’I al Adillah fi Usūl al-I’tiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 169.

ada yang sampai ke tahap mujtahid. Sekiranya syarat di atas dijadikan panduan utama dalam memilih pemimpin, maka tidak ada pemimpin yang boleh dipilih. Sedangkan wujudnya seseorang pemimpin adalah wajib dan umat Islam wajib memilih seorang pemimpin.<sup>64</sup> Ibn Hazm menyatakan “telah sepakat seluruh *ahl al-Sunnah*, seluruh mujtahid, *syi'ah* dan al-Khawarij bahawa melantik *imamah* itu adalah wajib. Seluruh umat Islam wajib tunduk kepada imam yang adil yang menegakkan hukum-hukum Allah.

Mengikut Iman al-Ghazālī (1058-1111M) syarat ini mengikut pertimbangan kemaslahatan umat dan tercapainya matlamat dilantik sebagai pemimpin.<sup>65</sup> Berilmu dalam kontek ini bukan hanya pandai dalam ilmu-ilmu agama sahaja malah dalam ilmu-ilmu keduniaan (profesionalisma) yang lain. Untuk memimpin negara ke arah pembangunan dan kemajuan, maka sudah sewajarnya pemimpin itu dapat menguasai kedua-dua jenis ilmu yakni ilmu dunia dan ilmu akhirat. Kemampuan sebegini amat penting terutamanya untuk membolehkan mereka berijihad apabila terdapat pekara-pekerja yang baru muncul.

## 2) Adil menurut semua syarat

Adil di sini bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Seseorang pemimpin yang dipilih harus memiliki sifat wara' dan adil. Ia tidak pernah terlibat dalam perbuatan jenayah. Ianya terkenal dalam masyarakat memiliki budi pekerti mulia. Imam al-Baghdadi (m. 1037) mengatakan bahawa ukuran minima seperti ini adalah orang yang diterima kesaksiannya.<sup>66</sup> Dalam politik Islam, setiap pemimpin hendaklah dipegang

<sup>64</sup> 'Ibn Hazm (1975), *op.cit.*, j. 4, h. 87.

<sup>65</sup> al-Ghazālī (1964), *op.cit.*, h. 191

<sup>66</sup> al-Baghdādī (1928), *op.cit.*, h. 227.

oleh orang yang adil dan wara' di samping pakar dalam bidang yang dipegang. Seandainya setiap jawatan mestilah dipimpin oleh orang yang adil dan wara', maka ketua negara sudah semestinya mereka yang adil dan wara'.<sup>67</sup> Sekiranya pemimpin yang dipilih terlibat dengan jenayah samada secara terang atau secara tersembunyi maka sudah tentu ia membela para keroni yang menghisap kekayaan negara. Akibatnya ia akan mentadbir negara untuk kepentingan peribadi dan para pengikutnya. Ia tidak akan segan silu untuk memerah kekayaan negara demi kepentingan individu tertentu. Semua ini berpunca dari hilangnya sifat wara` dan adil dalam dirinya.

Pemimpin yang tidak adil tidak akan prihatin dengan kesengsaraan rakyat akibat perbuatanya. Siapa yang akan menetangnya akan dihapuskan dengan segala cara demi mengekalkan kedudukannya. Oleh kerana itu, Imam al-Iji mengatakan bahawa seseorang pemimpin hendaklah seorang yang adil agar tidak bertindak zalim.<sup>68</sup> Penentuan pemimpin yang akan dipilih hendaklah yang bertanggungjawab memerintah negara dengan penuh keadilan tanpa diskriminasi warna kulit, bangsa, keturunan, darjat, agama dan sebagainya.

### 3) Berkemampuan (*al-Kafā'ah*)

- a) Al-Kafā'ah di bidang hukum. Iaitu seseorang pemimpin yang dipilih (parti politik) mestilah pemimpin yang berani melaksanakan hukum Allah, tanpa ada rasa takut dan pilih kasih.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup> Ibn Khaldun (t.t), *op.cit.*, h. 136

<sup>68</sup> Al-īji (t.t) *op.cit.*, h.398.

<sup>69</sup> Al-farrā' (1966) *op.cit.*, h. 20; Ibn Khaldun (t.t) *op.cit.*, h. 136

- b) Al-Kafā'ah dibidang politik dan pentadbiran. Seseorang ketua atau pemimpin hendaklah sanggup dan menghadapi segala cabaran dalam dunia politik.<sup>70</sup> Ia juga seorang yang bijak dalam mentadbir negara.
- c) Al-Kafā'ah di dalam menjaga dan membela kemaslahatan serta keamanan umat. Seseorang pemimpin yang di pilih (Parti politik) akan menjaga kemaslahatan ummah dari seluruh ancaman yang datang sama ada dari luar dan dalam negara. Ia akan menghapus seluruh ancaman tersebut walaupun ia terpaksa melalui perang.<sup>71</sup> Syarat di atas adalah untuk menjaga negara dari kacau bilau. Tujuan melantik pemimpin (memilih parti politik) adalah untuk menjamin wujudnya keamanan dan terlaksananya hukum Allah di muka bumi ini.

#### **4) Tidak cacat pancaindera**

Pemimpin yang dipilih hendaklah tidak cacat pancaindera sama ada pandangan, penglihatan dan lidah yang membolehkan ia menjalankan tugasnya. Ini bukan bermakna Islam mendiskriminasikan golongan yang cacat, tetapi Islam hendak memastikan tugas sebagai pemimpin dapat dilaaksanakan dengan licin dan berkesan.

#### **5) Mempunyai pemikiran yang jitu.**

Seseorang pemimpin mestilah mempunyai pemikiran yang jitu yang memberi kebijakan kepada pentadbiran dan siasah rakyat. Selain daripada mempunyai kebijaksanaan berfikir, pemimpin itu mestilah mempunyai kemahiran untuk berfikir secara *futuristic*. Pemimpin negara mesti mempunyai keupayaan menyediakan agenda tindakan atau

---

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> al-Íji (t.t), *op.cit.*

perancangan untuk masa depan. Ini bertujuan supaya negara yang dipimpinnya dapat bersaing dengan negara lain yang mungkin lebih maju.

## **6) Berani**

Seseorang pemimpin mestilah berani dan tegas yang membolehkan dia berjihad dengan musuh dan mempertahankan negara. Dalam konteks hari ini, keperluan kriteria ini amat mendesak sekali. Pemimpin hendaklah berani dan tegas dalam menangani isu politik antarabangsa. Rata-rata umat Islam ditindas dan dizalami. Maka sudah semestinya sifat ini mesti ada pada parti politik atau pemimpin yang dipilih supaya nasib mereka dapat dibela.

## **7) Berketurunan Quraisy**

Pemimpin seharusnya berketurunan Quraisy. Ini kerana kaum Quraisy memiliki darjah yang tinggi samada di kalangan masyarakat Islam mahupun bukan Islam.<sup>72</sup> Walau bagaimanapun, Ibnu Khaldun tidak memasukkan fakta keturunan Quraisy sebagai salah satu syarat kerana ulama berselisih pendapat tentang hal ini. Tambahan pula, ia tidak menjadi keutamaan pada masa kini. Dengan perkembangan masa serta luasnya wilayah Islam, agak sukar untuk mengenal pasti keturunan Quraisy.<sup>73</sup> Ini menunjukkan faktor keturunan bukanlah merupakan asas perbahasan dalam menentukan pemimpin yang akan dipilih.

Kesimpulannya di sini, bahawa syarat-syarat untuk menjadi pemimpin ini sebagaimana yang telah dibincangkan, fuqaha berlainan pendapat. Ini berikutnya mereka

---

<sup>72</sup> Al-Mubārak, Muhammad (1989), *Nizām al-Islām: al-Hukm wa al-Daulah*, Dar al-Fikr, h. 68-69

<sup>73</sup> Mustafa Hj Daud (1994), *op.cit.*, h. 129-135

mengeluarkan pendapat mengikut kesesuaian masa dan tempat di mana fuqaha itu berada. Walaupun berbeza, namun ia adalah satu cara lengkap melengkap pandangan dan pendapat mereka. Sebagai contoh, Rasulullah SAW sendiri pernah mengangkat Abdullah bin Rawahah, Zaid bin Haritsah, dan Usamah bin Zaid menjadi amir<sup>74</sup>. Sedangkan mereka semua bukan orang Quraisy. Kata “Hadzal amru” bererti “wilayatul amri”, iaitu pemerintahan secara umum bukan khusus ditujukan kepada khilafah saja. Jadi tindakan Rasulullah SAW mengangkat orang selain Quraisy menjadi pimpinan itu menjadi dalil bahawa kekuasaan memerintah tidak terbatas di kalangan Quraisy saja dan tidak terlarang bagi selain mereka. Sabda Nabi SAW:

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَإِنْ اسْتَعْمَلْ  
عَلَيْكُمْ حَبْشَيْ ۝ كَانَ رَأْسَهُ زَبَبَةً<sup>75</sup>

Maksudnya: *Dengarlah dan taatilah oleh kalian, sekalipun yang memerintah kalian adalah seorang budak Habsyi seakan-akan kepalanya seperti buah anggur kering*.

Hadith ini dapat dijadikan dalil bahwa khilafah atau Wilayatul Amri dapat dipegang oleh orang-orang yang bukan Quraisy, bahkan bukan orang Arab sekalipun.

## 2.6 Prinsip-prinsip Politik Islam

Kitab suci al-Quran merupakan sumber undang-undang Islam telah memberikan sebahagian prinsip-prinsip umum yang asas dalam bidang politik dan perlembagaan yang tidak boleh ditinggalkan oleh mana-mana sistem politik yang baik. Al-Quran tidak menyebut prinsip-prinsip politik secara terperinci namun terserah kepada ummah mengikut keperluan masa dan tempat. Sunah Rasulullah juga mengikuti pola yang

<sup>74</sup> \_\_\_\_\_ (2000). Ketua Negara: Antara syarat dan Keutamaan. *al-Jawahir: Menggilap Permata Islam*, 22. (23 Jun 2010)

<sup>75</sup> Al-‘Asqalāni, ’Ahmad ’Ibn ‘Ali ’Ibn Hajar (t.t), *Fath al-Bāri bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dar al-Ma’rifah, juz 3, h. 32

sama. Oleh itu, ia merupakan hak muslim menuntut para pemimpin menghormati dan mematuhi prinsip-prinsip perlombagaan tersebut serta menyeru kepada keadilan. Ini bermaksud kewajipan berdasar al-Quran dan al-Sunnah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.<sup>76</sup> Kewajipan ini merupakan asas menyatukan kesemua prinsip-prinsip politik Islam. Berdasarkan prinsip menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, maka kita akan membincangkan sebahagian daripada nilai-nilai politik terpenting yang telah disahkan dalam al-Quran dan al-Hadis, iaitu prinsip-prinsip syura, keadilan, kebebasan, persamaan, kepatuhan dan skop yang dibenarkan untuk menyoal pemerintah atau ketua negara.<sup>77</sup>

### i. Tauhid

Tauhid adalah asas terpenting menurut pandangan Islam dalam mengawal tingkah laku politik manusia. Tauhid membina hubungan *vertical* manusia/ahli politik dengan tuhannya. Terlucutnya ikatan ini akan menjadikan manusia rakus dalam tindakan. Ia merasakan dirinya tidak dikawal oleh sesiapa pun. Natijahnya, semua tindakan politik akan berjalan mengikut arahan-arahan hawa nafsu dan lojik pemikirannya. Sehubungan dengan itu, sistem politik mengikut prespektif Islam hendaklah disuntik dengan nilai akidah. Sistem akidah akan menjelaskan bahawa seluruh kekuasaan adalah milik

---

<sup>76</sup> Diceritakan oleh al-Imam Muslim di dalam bukunya *Sahih Muslim*, Kaherah, j. 2, h. 22-25 dengan ulasan oleh al-Nawawi.

<sup>77</sup> Terdapat kekurangan persetujuan di kalangan sarjana semasa tentang bilangan prinsip perlombagaan tersebut. Sesetengahnya hanya menyebut beberapa yang telah kami bentangkan: Yang lain banyak menambah seperti kepatuhan, tugas mereka yang berkebolehan dan mengikat kebenaran. Bahkan terdapat persetujuan di dalam Syariah dan fiqh Islam ketika menegaskan prinsip-prinsip tersebut. Perbezaannya ialah untuk menentukan mana “yang paling penting” yang mana setiap sarjana memilih untuk membincangkannya. Dengan kata lain, tidak terdapat pertelingkahan tentang kesahan prinsip-prinsip tersebut atau perkaitannya dengan nadi politik atau proses perlombagaan (seperti yang dilihat oleh Prof. Abd al-Hamid Mutawalli), tetapi hanya terdapat perbezaan dalam penyusunan dan aturan yang biasa.

Allah<sup>78</sup>. Manusia hanya menjalankan fungsi-fungsi eksklusif dalam perjalanan dan pengurusan sesebuah negara.

## ii. Al-Shura

Syura adalah pendekatan Islam dalam merealisasikan keadilan dalam masyarakat. Doktrin ini membentuk masyarakat yang progresif melalui kerjasama pemikiran secara kolektif. Ia menghalang pemimpin dari bersifat autokratik yang hanya mempertahan pendapat dan pandangannya sahaja. Dalam sistem syura ini, perbahasan dibuka kepada orang yang berkelayakan dan berkebolehan dalam memberi pandangan yang membina ke arah pembangunan masyarakat. Apa yang dimaksudkan dengan kelayakan ialah integriti dari segi ilmu, akhlak dan pengetahuan am yang lain. Ini berbeza dengan sistem politik demokrasi moden yang meletakkan kebebasan memberi pandangan kepada rakyat majoriti. Ini akan memberikan implikasi tidak sihat kepada kehidupan berpolitik masyarakat, kerana orang yang tidak berkelayakan (dari segi ilmu, sahsiah) turut berpeluang memberi pandangan dan membuat keputusan. Sistem syura ini telah dijalankan sejak zaman Rasulullah dan zaman selepasnya.

## iii. Keadilan

Pemerintahan dalam Islam sangat menekankan soal-soal keadilan. Tuntutan keadilan ini banyak disebut oleh al-Quran sebagaimana firmah Allah SWT:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

*Maksudnya: Apabila kamu menghukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil*

surah al-Nisā' (4) : 58

---

<sup>78</sup> Ali-'Imrān ayat 6, al-Mulk ayat 1.

Rasulullah SAW sebagai *role model* kepada pelaksanaan sistem politik yang adil dan telus telah menyampaikan sebuah ucapan yang menyuruh mewujudkan pemerintahan yang adil. Dalam doktrin politik Islam, keadilan hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh, samada kepada muslim atau bukan muslim, kaya ataupun miskin.

#### **iv. Merealisasikan Syariah**

Mereliasasikan syariah merujuk kepada beberapa aspek penting dalam menegak, mempertahankan dan mengembangkan mesej Islam. Perealisasian syariah dalam konteks negara Islam hendaklah bergerak dalam lingkungan berikut:

- a) *Iqamah al-Din* (menegak dan mempertahankan agama)
- b) *Tatbiq al-Syari'ah* (melaksanakan Islam dalam masyarakat)
- c) *Nasyr al-Din* (menyebar dan mengembangkan agama Islam/dakwah)

Daripada ketiga-tiga dimensi syariah tersebut, pemerintah (parti politik) hendaklah memastikan bahawa:

- a) Agama Islam hendaklah dipertahankan kemurniannya daripada anasir-anasir yang boleh merosakkannya. Ia termasuk ajaran-ajaran sesat, pendakwah-pendakwah agama lain yang telah cuba memurtadkan orang-orang Islam. Sehubungan dengan itu, kerajaan bercorak Islam hendaklah menggerakkan makanisme yang ada bagi mempertahankan Islam. Selain daripada itu, umat Islam hendaklah dipastikan agar dapat melaksanakan ajaran syariah tanpa ada sebarang gangguan.

- b) Hudud/ketetapan/hukum Allah SWT menjadi teras kepada undang-undang negara. Ini bermakna hukum-hukum atau perundangan lain tidak sah dalam konteks pelaksanaan hukum bagi sesebuah negara Islam.<sup>79</sup>
- c) Usaha-usaha menyebarkan agama Islam atau dakwah hendaklah dilaksanakan dengan berterusan. Ini sesuai dengan aspirasi Islam agar rahmat Islam hendaklah disampaikan dan dinikmati oleh semua manusia sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ  
١٧

*Maksudnya: Dan tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.*

Surah al-'Anbia' (21): 107

#### v. Amanah

Pemerintahan atau kekuasaan bukan hak *privilege* manusia. Ia adalah hak Allah. Manusia atau pemimpin politik hanya melaksanakan amanah Allah. Orang-orang yang menjadikan pemerintahan atau kepimpinan hak *privilege* mereka dianggap menyeleweng pada pandangan Islam. Penyelewangan-penyelewangan yang berlaku dalam organisasi politik adalah disebabkan pemimpin memahami bahawa mereka berkuasa sepenuhnya terhadap negara. Sikap seperti ini akan menjadikan pemerintahan berlaku secara autokratik.

Ini bermakna pemerintahan/kepimpinan dalam Islam bukanlah jawatan yang boleh diminta. Ia adalah jawatan yang dilantik bagi mereka yang betul-betul

---

<sup>79</sup> Rujuk ayat 44, 45, 47 Surah al-Ma'idah dan pandangan ulama-ulama tentang kewajipan ini seperti Fakhr al-Dīn al-Rāzī dalam *Miftāh al-Ghayb*, juz 3, h. 253, Ibn Kathīr dalam tafsir *'Ibn Kathīr*, j. 1, h. 518, Ibn Taymiyyah dalam *Minhaj al-Sunnah*, h. 412-413

berkelayakan samada dari segi ilmu, kredibiliti dan sahsiah. Ia bukan suatu yang gelemor tetapi membebankan kerana ia akan dipersoalkan oleh Allah SWT.<sup>80</sup>

Scenario politik kini menampakkan jawatan pemimpin dianggap satu yang *prestige* sifatnya. Ia dijadikan batu loncatan untuk kepentingan diri dan menambahkan harta kekayaan. Lantaran itu ramai yang berebut-berebut menjadi pemimpin meskipun yang tidak layak. Pemimpin jenis ini akan dilaknat oleh Allah.

#### **vi. Prihatin Terhadap Kebajikan sosial**

Negara Islam hendaklah prihatin terhadap kebajikan rakyat. Pembelaan rakyat hendaklah menjadi agenda penting negara. Semua warganegara Islam berhak mendapat jaminan kebajikan sosial daripada kerajaan Islam terutama keperluan asas kehidupan mereka. Di antara tanggungjawab sosial kerajaan Islam ialah:

- a) Memastikan keperluan asas rakyat seperti makan, minum, pakaian, perlindungan adalah cukup dan selesa.
- b) Menjamin semua rakyat berdikari agar mereka tidak mengemis dan merempat
- c) Menjamin semua rakyat mendapat pendidikan yang sama rata. Praktis sejarah pendidikan Islam menunjukkan bahawa pelajaran percuma telah disediakan kepada rakyat.
- d) Memberi bantuan kepada balu-balu yang kematian suami, membantu mangsa kebakaran, anak yatim dan sebagainya.
- e) Menjamin keselamatan rakyat termasuk khidmat kesihatan.

---

<sup>80</sup> Zulkiple Abd Ghani, Ahmad Redzuan Mohd Yunus, *Kepimpinan Dakwah dan Politik*, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 36.

Dalam melaksanakan kebajikan sosial, kerajaan hendaklah ikhlas. Sebarang bentuk propaganda dengan tujuan mengekalkan pemerintahan adalah tidak dibenarkan menurut syariat Islam. Ini kerana tanggungjawab menjaga kebajikan sosial adalah amanah kerajaan yang mesti dilaksanakan oleh sesiapa sahaja yang memerintah. Dengan itu, tidak timbul soal terhutang budi dan sebagainya. Rakyat berhak mendapat hak mereka. Taktik mengindoktrinasikan bahawa kerajaan yang memerintah sahaja mampu membela rakyat dan menyediakan pekerjaan serta mewujudkan pembangunan dari segi legaliti perundangan Islam adalah *null and void*. Propaganda seperti ini sebenarnya membayangkan sifat *nifaq* pemimpin politik yang tidak dibenarkan dalam etika politik Islam.

## **2.7 Kesimpulan**

Asas pemerintahan Islam adalah berasaskan kepada Akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga perkara ini merupakan tunjang kepada sistem pemerintahan Islam. Sistem pemerintahan Islam adalah bersumberkan al-Quran, al-Sunnah al-Nabawiyyah, amalan khulafa' al-Rasyidun dan ketentuan para mujtahid Islam. Keempat-empat sumber ini amat penting sebagai rujukan dalam usaha ke arah mewujudkan satu perlombagaan Islam yang lengkap.